Malaysia Kecam Serangan Israel Terhadap Syria - Najib
Bernama
8 Mei, 2013

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Kerajaan Malaysia mengutuk keras serangan udara Israel ke atas Syria Ahad lepas, mengakibatkan kematian orang awam, kata Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini.

Perdana Menteri, dalam satu kenyataan, berkata serangan tanpa provokasi itu merupakan satu pencabulan serius ke atas integriti wilayah sesebuah negara yang berdaulat dan melanggar undang-undang antarabangsa serta Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sambil mengecam serangan tersebut, katanya, Malaysia menyertai negara-negara lain menggesa Majlis Keselamatan PBB mengambil tindakan segera terhadap pencabulan itu bagi mengelak konflik di rantau Asia Barat bertambah meruncing.

Serangan udara rejim Zionis itu mengorbankan ramai rakyat Syria dan Tel Aviv mendakwa kononnya ia disasarkan kepada bekalan senjata canggih yang cuba dihantar kepada kumpulan Hizbullah.

-- BERNAMA
Copyright © 2013 BERNAMA
Source: http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=948429